

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 ( 32 )

16 April 2018  
29 Rejab 1439

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 27/2018

### HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN SEMPENA HARI MENGUNDI UNTUK PILIHAN RAYA UMUM KE-14 (PRU14)

Sukacita dimaklumkan Kerajaan Malaysia telah menetapkan tarikh 9 Mei 2018 (Rabu) sebagai Hari Kelepasan Am Tambahan bagi seluruh Negara sempena hari mengundi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14). Pengisytiharan cuti umum ini dibuat selaras dengan Seksyen 8, Akta Hari Kelepasan Am 1951 bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

2. Selaras dengan itu, Universiti turut menyahut arahan Kerajaan dan cuti umum diberikan kepada seluruh warga Universiti pada tarikh tersebut bagi membolehkan warga Universiti menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi. Pertimbangan cuti tahunan juga boleh diberikan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) kepada staf yang perlu membuang undi di lokasi pengundian yang jauh.

3. Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 9/2018 bertarikh 16 April 2018 turut memberi pelepasan kepada pelajar daripada segala aktiviti berkaitan pengajaran dan pembelajaran pada 8 Mei 2018 (Selasa). Segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran pada tarikh tersebut perlu diganti untuk mencukupkan jumlah jam pembelajaran dengan pemantauan Dekan Fakulti masing-masing.

4. Sehubungan dengan itu, semua urusan atau program-program yang telah dirancang lebih awal pada tarikh tersebut hendaklah ditangguhkan ke suatu tarikh lain. Tindakan segera adalah dikehendaki dalam memanjangkan pemakluman penangguhan urusan atau program-program yang telah dirancang bagi mengelakkan berlakunya sebarang kesulitan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"**

Yang benar,



**(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)**

Pendaftar

...2/-

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah
  - Presiden Majlis Perwakilan Pelajar